

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN  
CHIK [ BALIK PULAU ]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 ( RABU )**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]** minta  
**MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan:

- a) apakah pelan pemulihan sedia ada memadai memandangkan UNWTO telah menjangkakan industri pelancongan hanya akan pulih menjelang 2023; dan
- b) Sejauh manakah usahasama Kementerian bersama agensi lain dalam mementingkan gerak kerja berteraskan data dalam mencapai sasaran pemulihan pelancongan Negara

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Fokus utama Pelan Pemulihan Pelancongan Negara adalah untuk merencanakan pelancongan domestik seluruh negara bagi merangsang aktiviti dan perniagaan berasaskan pelancongan. Faktor ini didorong lagi dengan langkah berhati-hati oleh Kerajaan dalam merancang dan membuat keputusan berhubung pembukaan sempadan bagi pelancongan antarabangsa.

2. Menurut Pertubuhan Pelancongan Sedunia (UNWTO), industri pelancongan dunia hanya dijangka akan kembali rancak bermula tahun 2022 dan dijangkakan kembali ke prestasi pra-pandemik pada tahun 2024. Perlu diambil perhatian bahawa ini juga tertakluk kepada faktor-faktor utama seperti pembukaan sempadan antarabangsa negara-negara di seluruh dunia.

3. Dalam hal ini, sebagai permulaan, Pulau Langkawi telah dipilih sebagai destinasi rintis yang mula dibuka pada 16 September 2021. Inisiatif ini bakal memberi nafas baharu kepada pengusaha pelancongan di pulau tersebut dan menjadi titik permulaan dalam menyokong perniagaan berkaitan sektor pelancongan, penyesuaian dengan norma baharu dan kelangsungan penjana ekonomi. Program rintis ini juga dijadikan penanda aras untuk penyediaan dan memperkemas SOP bagi pembukaan lebih banyak gelembung, destinasi dan aktiviti pelancongan domestik di seluruh negara.

4. Data pada tahun 2019 menunjukkan bahawa perbelanjaan pelancong domestik yang bernilai RM103.2 billion adalah melebihi perbelanjaan pelancong asing. Ini membuktikan bahawa fokus kepada pelancongan domestik pada masa ini adalah asas yang kukuh untuk dijadikan pemangkin bagi industri pelancongan kembali bangkit, sementara menunggu Malaysia kembali bersedia menerima semula kehadiran pelancong asing. Dalam tempoh penutupan sempadan ini juga merupakan peluang yang baik untuk Kerajaan memanfaatkan potensi pasaran keluar

**NO. SOALAN : 68**

atau *outbound* negara. Untuk makluman, anggaran perbelanjaan *outbound* pada tahun 2019 adalah sebanyak RM44.7 bilion.

5. Bagi mencapai sasaran pemulihan pelancongan negara yang berdasarkan data, MOTAC bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam mempercepat proses pemberian vaksin kepada orang awam termasuk industri pelancongan dalam usaha membantu negara mencapai kadar vaksinasi sebanyak yang mungkin. Antaranya ialah bekerjasama dengan pihak Industri seperti Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO) serta Persatuan Konvensyen dan Pameran Malaysia (MACEOS) bagi penggunaan fasiliti hotel dan pusat konvensyen untuk dijadikan Pusat Pemberian (PPV).

6. Ini mengambil kira bahawa kadar vaksinasi adalah salah satu faktor utama yang diambil kira dalam mempertimbangkan kebenaran pengaktifan semula aktiviti secara berfasa di bawah Pelan Pemulihan Negara.

Sekian, terima kasih.